

## **PEMILIK PREMIS DIDENDA RM 10,000.00 DI MAHKAMAH SESYEN, MELAKA**

18 Mac 2022, MELAKA - Sebuah premis telah disabitkan kesalahan di Mahkamah Sesyen, Melaka pada hari ini.

Pemilik premis telah menggunakan premis untuk menempatkan buangan terjadual, buangan elektrik dan elektronik, kod SW 110 sepertimana yang tersenarai di bawah Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 tanpa mendapat lesen dari Jabatan Alam Sekitar. Premis telah mengaku bersalah ke atas pertuduhan di bawah Seksyen 18(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 10,000.00.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka tidak akan berkompromi terhadap penjenayah yang melakukan sebarang jenis pencemaran alam sekitar. Sebarang aduan boleh hubungi di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) atau ke portal aduan <https://eaduan.doe.gov.my/eaduan/index.php>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama